

Praktis 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Amisya memotong _____ ikan itu kepada dua bahagian.
A bebiri
B bebola
C bebuluh
D bebawang
2. Sawah padi itu _____ kerana dilanda musim kemarau.
A gembur-gembur
B kering-kontang
C remuk-redam
D punah-ranah

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Nazri segera memasang _____ pada pintu dan tingkap rumah setelah kes kecurian semakin berleluasa di kampungnya.
A jejari
B kekisi
C kekuda
D tetulang
4. Rumah itu menjadi _____ kerana terputus bekalan elektrik.
A huru-hara
B gelap-gelita
C gelap-gelita
D tunggang-langgang

5. _____ itu terbang lalu hinggap pada sekuntum bunga.
A Anai-anai
B Rama-rama
C Labah-labah
D Jentik-jentik
6. Penduduk kampung itu mengamalkan sikap _____ antara satu sama lain.
A usik-mengusik
B bantu-membantu
C bercakar-cakaran
D bersalam-salaman
7. Pemuda itu lari _____ apabila dikejar oleh seekor anjing liar.
A huru-hara
B kucar-kacir
C lintang-pukang
D mundur-mandir
8. Keadaan di kampung itu menjadi _____ apabila banyak kes pecah rumah berlaku akhir-akhir ini.
A huru-hara
B jerih-jerih
C hiruk-pikuk
D kelam-kabut
9. Tangan pesakit itu _____ kerana menghidap Parkinson.
A terkial-kial
B tergigil-gigil
C terketar-ketar
D termangu-mangu
10. Bot nelayan di tengah laut itu _____ dipukul ombak.
A terpontang-panting
B terhuyung-hayang
C terolang-aling
D terliang-liuk

11. Aini menyapu _____ kering di halaman rumahnya.

- A dedalu C kekabu
B dedaun D bebawang

12. Pejalan kaki dinasihatkan supaya menggunakan _____ untuk melintas jalan agar tidak berlaku kemalangan.

- A jejari
B kekuda
C jejambat
D jejantas

13. _____ telinga wanita itu bengkak kerana telah dijangkiti kuman.

- A Gegendang
B Rerambut
C Bebola
D Cecair

Soalan 14 hingga 16
Pilih ayat yang betul.

14. A Orang-orang dipasang di tengah-tengah sawah untuk menakutkan burung.
B Baju Shamil kusut-masai kerana terkena aiskrim yang dimakannya.

C Pendapat Daniel ditolak betul-betul oleh kedua-dua orang kakaknya.
D Keadaan di dewan itu menjadi senang-lenang apabila semua lampu dipasang.

15. A Ibu mengisi dua biji bantal dengan kekabu.
B Aziz membalut buku rujukan yang baru dibelinya itu erat-erat.
C Ali ketawa terkebil-kebil apabila mendengar cerita Kamil yang lucu itu.
D Jalan raya yang berderet-deret itu sering mengundang kemalangan jalan raya.

16. A Adik menangis tercungap-cungap apabila permintaannya itu tidak diendahkan oleh ibu.
B Baju yang dipakai oleh pengemis itu punah-ranah dan kotor.
C Husna mengalami cirit-birit akibat keracunan makanan.
D Rambut lelaki itu huru-hara kerana tidak disikat.

Praktis 2

Tandakan (✓) bagi kata ganda yang betul berdasarkan ayat di bawah ini.

1. Kedengaran _____ suara wanita menangis ketika kami sedang berehat di tepi sungai.

sorok-sorok ☐

senyap-senyap ☐

sayup-sayup ☐

2. Pak Usup mahir dalam pembuatan _____ sayong.

kekuda ☐

lelabu ☐

kekisi ☐

3. Ibu _____ di ruang tamu kerana resah menunggu ayah yang masih belum pulang.

lalu-lalang ☐

mundar-mandir ☐

ulang-alik ☐

4. Dalam insiden rompakan kedai emas semalam, pihak polis _____ tembakan dengan perompak itu.

berbalas-balas

berganti-ganti

bertukar-tukar

5. Kilang besi itu mengeluarkan asap _____ di udara.

bersimpul-simpul

berketul-ketul

berkepul-kepul

6. Ameena memeluk ibunya _____ sebelum dia pulang ke asrama.

erat-erat

dekat-dekat

betul-betul

7. Sebaik-baik sahaja kami tiba di rumah, kilat _____ dan hujan turun dengan lebatnya.

berdentam-dentum

sabung-menyabung

berkelip-kelip

8. Pelumba-pelumba basikal itu _____ untuk memenangi perlumbaan itu.

menarik-narik

asak-mengasak

kejar-mengejar

Praktis 3


Padankan ayat dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Beberapa ekor _____ hinggap pada kelopak bunga mawar itu.
2. Bilik stor yang terletak di bawah tangga itu dipenuhi sarang _____.
3. "Aleeya, tutup bekas gula itu _____ supaya tidak dimasuki semut," kata ibu.
4. Siti menggenggam tangan ibunya _____ semasa bersalam.
5. Penduduk kampung _____ ke balai raya untuk menyambut kedatangan Perdana Menteri.
6. Orang ramai _____ untuk mengambil autograf penyanyi terkenal dari seberang itu.

ketat-ketat
kupu-kupu
berduyun-duyun
labah-labah
asak-mengasak
erat-erat

Praktis 4

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.



1. Selepas berhenti kerja, Encik Latif mengusahakan perniagaan runcit secara _____ di kampungnya.
2. Pasukan bola sepak sekolah itu berusaha _____ untuk memenangi perlawanan peringkat separuh akhir.
3. "Janganlah kamu percaya _____ akan berita yang belum pasti itu," nasihat Encik Robert kepada rakannya.
4. Kejadian _____ yang berlaku pada awal pagi tadi di pekan kecil itu mengejutkan para penduduk.
5. Fikirannya _____ kerana memikirkan masalah keluarganya sejak belakangan ini.
6. Puva _____ dari rumah ke kolejnya sejauh 20 kilometer setiap hari.